KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	28.01.22 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	10
JABATAN	:	SURUHANJAYA TENAGA			

SH 28.1.2022 10

Tarif elektrik baharu diumum sebelum 1 Februari

DUNGUN – Kerajaan dijangka mengumumkan kadar tarif elektrik baharu bagi tahun 2022 sehingga 2024 sebelum 1 Februari ini.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan berkata, keputusan tarif baharu itu sudah dimuktamadkan pada Rabu selepas enam kali dibincangkan dalam mesyuarat kabinet.

"Kadar tarif baharu ini akan diumumkan tidak lama lagi. Kita akan melaksanakan IBR (Kawal Selia Berasaskan Insentif) pada 1 Februari, jadi anda boleh teka bila kita akan umumkan.

"Kita sedang tunggu Suruhanjaya Tenaga dan apa yang saya boleh katakan, tarif baharu ini tidak akan membebankan rakyat," katanya di sini pada Khamis.

Sementara itu, Takiyuddin berkata, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) menyasarkan kapasiti sumber tenaga boleh baharu (TBB) dalam penjanaan elektrik negara mencecah 31 peratus menjelang tahun 2025 nanti dan ia dijangka meningkat kepada 40 peratus pada tahun 2035.

"KeTSA juga akan memperkenalkan program baharu dalam memenuhi permintaan TBB yang kian meningkat dalam kalangan sektor korporat bagi memenuhi komitmen *Environmental, Social and Governance* (ESG)," katanya.